

# TAHUKAH ANDA?



Selaras dengan pelaksanaan *Anti-Bribery Management Systems (ABMS)*,  
aduan berkaitan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009  
(Akta SPRM 2009) atau kesalahan jenayah lain

\*rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa dan tuntutan palsu\*  
melalui surat layang diterima oleh Unit Integriti KPWKM

## TETAPI ..

Sekiranya aduan **TIDAK BERASAS, TIDAK TEPAT ATAU MENIMBULKAN FITNAH**, pengadu boleh disiasat dan diambil tindakan tatatertib ataupun didakwa (atas kesalahan jenayah) di bawah Kanun Keseksaan

PASTIKAN ADUAN  
BERKAITAN KESALAHAN DI  
BAWAH  
AKTA SPRM 2009 ATAU  
KESALAHAN JENYAH LAIN  
MELALUI SALURAN YANG  
BETUL

[whistleblower@kpwkm.gov.my](mailto:whistleblower@kpwkm.gov.my)



JADILAH PENGADU  
YANG  
**JUJUR & ADIL**  
KEPADA DIRI SENDIRI  
DAN ORANG  
DI SEKELILING KITA



Pertanyaan boleh diajukan kepada Unit Integriti:-  
Telefon : 03-83231365 (Pegawai Siasatan)  
Emel : [whistleblower@kpwkm.gov.my](mailto:whistleblower@kpwkm.gov.my)



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

MS ISO 37001:2016  
SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH  
(ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS)

'TOLERANSI SIFAR TERHADAP RASUAH'



• JANGAN MINTA, TOLAK DAN LAPOR •  
**POLISI PERLINDUNGAN  
PEMBERI MAKLUMAT**  
*Whistleblower*  
**PROTECTION POLICY**

SIAPA PEMBERI  
MAKLUMAT?

APA ITU KELAKUAN  
TIDAK WAJAR?

BAGAIMANA MEMBERI  
MAKLUMAT BERKUALITI?

**BILA PERLU BERI MAKLUMAT?**

Pemberi maklumat mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa mana-mana orang telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam mana-mana kelakuan tidak wajar.

Kepercayaan diperolehi sama ada:

Menerusi pengetahuan sendiri  
Menerusi maklumat sahih yang diperolehi  
Terlibat secara langsung @ tidak langsung.

**APA ITU TINDAKAN MEMUDARATKAN?**

Termasuklah -

Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;  
Ugutan atau gangguan  
Gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian termasuk diskriminasi, turun pangkat, layanan buruk  
Ancaman

**APA PERLU DILAKUKAN JIKA PEMBERI MAKLUMAT DIAMBIL TINDAKAN MEMUDARATKAN?**

Sekiranya terdapat tindakan diambil terhadap Pemberi Maklumat kerana pendedahan mengenai kelakuan tidak wajar tersebut, maka Pemberi Maklumat mesti dengan segera melaporkan kepada Unit Integriti, KPWKM



ANDA, serta mereka yang terdiri daripada mangsa/orang yang mempunyai pengetahuan tentang sesuatu kelakuan tidak wajar



Apa-apa kelakuan yang jika terbukti menjadi suatu kesalahan jenayah, termasuklah:

Rasuah  
Penyelewengan  
Salah guna kuasa / kedudukan  
Jenayah  
Salahfaku

Tidak dilarang oleh mana - mana undang - undang bertulis



Maklumat yang dipertalkan mestilah lengkap dan jelas iaitu:

Bila kejadian berlaku (*Who*)  
Di mana kesalahan dilakukan (*Where*)  
Siapa yang terlibat dan yang boleh membantu (*Who*)  
Apa kesalahan yang dilakukan (*What*)  
Kenapa kesalahan dilakukan (*Why*)  
Bagaimana transaksi kelakuan tidak wajar tersebut dilakukan (*How*)

-Asas Kebimbangan  
-Dokumen yang terlibat



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

**MS ISO 37001:2016**  
**SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH**  
**(ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS)**

### 'TOLERANSI SIFAR TERHADAP RASUAH'



**SALURAN ADUAN / BANTUAN UNIT INTEGRITI DAN PANDUAN POLISI PELAKSANAAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWER PROTECTION POLICY)**

PEMBERI MAKLUMAT DILINDUNGI DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 DAN AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010

#### SALURAN ADUAN/BANTUAN DI PERINGKAT KEMENTERIAN

**Aduan melalui surat layang diterima tetapi surat layang juga boleh menjadi asas kepada kesalahan tatatertib atau jenayah (ke atas penulis surat layang yang dapat dikesan) sekiranya maklumat tidak tepat atau menimbulkan fitnah**

Hadir ke Unit Integriti, KPWNM di alamat > Aras 30, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, No. 55 Persiaran Perdana, Presint 4, 62000 Putrajaya

Telefon : 03 - 6223 1365  
E-mel : whistleblower@kgwkm.gov.my

Unit Integriti akan membantu Pemberi Maklumat berhubung dengan agensi penguatkuasaan. Dengan bantuan ini Pemberi Maklumat dapat menyalurkan aduan kepada agensi penguatkuasaan tersebut

Siasatan serta permohonan perlindungan akan diarahkan sepenuhnya oleh agensi penguatkuasaan.

Pendedahan kelakuan tidak wajar atau aduan tindakan yang memudaratkan boleh dipertimbangkan penerangan oleh agensi penguatkuasaan

"Sekiranya Pemberi Maklumat tidak dikenali, tiada perlindungan boleh diberikan kepada Pemberi Maklumat berkenaan."

AKTA INI AKAN MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT DARIPADA SEBARANG TINDAKAN MEMUDARATKAN AKIBAT DARIPADA PENDEDAHAN YANG DIBUAT

#### JENIS-JENIS PERLINDUNGAN OLEH AGENSI PENGUATKUASAAN

- 1. Identiti Pemberi Maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah.
- 2. Tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib
- 3. Dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan (kecederaan, kehilangan, keresakan, ugutan, gangguan)
- 4. Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan / hubungan dengan Pemberi Maklumat

**• JANGAN MINTA, TOLAK DAN LAPOR •**  
**UNIT INTEGRITI KPWNM**